



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05-12 MEI 2017

AKHBAR

MUKA SURAT

Selangorkini


- | | |
|--|----|
| - RM20 juta tingkat saliran perparitan | 19 |
| - Tegas banteras rasuah | 19 |
| - WOW menariknya skim Smart- Sewa | 05 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05-12 MEI 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	RM20 juta tingkat saliran perparitan
Muka Surat	19



RM20 juta tingkat saliran perparitan

Selangorkini
5-12/5/17
m/s 19..

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM20 juta bagi tujuan pembaikan sistem perparitan di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertua, Abdul Hamid Hussein berkata, pihaknya sudah membuat permohonan lanjut kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan peruntukan kewangan bagi kerja pembaikan fasiliti untuk kawasan Taman Nirwana dan Pandan Indah.

"Untuk tempoh ini, MPAJ kekal konsisten berusaha dan menggunakan peruntukan sedia ada melaksanakan projek

pembaikan secepat mungkin," katanya.

Terdahulu, SelangorKini melaporkan tebing Sungai Kerayong di Taman Lembah Maju yang terletak bersebelahan Kuarters Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan Indah runtuh dan mendadak ekoran arus deras.

Kejadian dipercuri berpunca daripada limpahan air di kawasan Taman Nirwana dan Pandan Indah susulan faktor hujan lebat baru-baru ini.

Bagaimanapun, MPAJ dalam kenyataan ringkasnya memaklumkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah melan tik kontraktor membaiki cerun.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05-12 MEI 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	Tegas banteras rasuah
Muka Surat	19

OLEH ERMIZI MUHAMAD

MPAJ pecat tiga pegawai

AMPANG - Pendirian tegas diam-bil Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terhadap mana-mana kakitangannya yang didapati terlibat dengan rasuah.

Yang Dipertua, Abdul Hamid Hussein berkata, pendirian itu dilaksanakan seiring komitmen MPAJ menggalakkan kakitangan menandatangani Ikrar Integriti Korporat untuk menentang rasuah dalam kalangan anggotanya.

"Sebanyak 12 kes tindakan tatatertib diambil dengan tiga daripadanya membabitkan hukuman buang kerja dan tamat

perkhidmatan sepanjang tempoh 2016 lalu.

"Ini membuktikan komitmen MPAJ memerangi rasuah dan menggalakkan amalan disiplin serta pematuhan etika kerja ditetapkan.

"Hanya dengan pelaksanaan disiplin kita dapat mewujudkan kecemerlangan dalam apa jua tindakan yang kita laksanakan,"

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Khidmat Pengurusan, di Auditorium MPAJ, pada 26 April lalu.

Pada masa sama, Abdul Hamid berkata, MPAJ optimis akan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Su ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata, ia sebagai sebahagian daripada inisiatif MPAJ memastikan kepimpinan dan organisasinya bebas daripada rasuah.

Untuk rekor, Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) antara pihak berkuasa tempatan yang sudah menandatangani IBR, bermula awal tahun ini.

Selangorkini 1-12 Mei 2017 ngs 19

Tegas banteras rasuah





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05-12 MEI 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	WOW menariknya skim Smart- Sewa
Muka Surat	05

WOW menariknya skim Smart-Sewa!

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM100 juta bagi melaksanakan skim Smart-Sewa khusus membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah.

Seperti diumumkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, skim itu adalah salah satu program utama dijalankan Kerajaan Negeri bagi memenuhi keper-

*Selangorkini
5-12 Mei 2017 M/S 05*

luan kumpulan sasaran.

Skim Smart-Sewa adalah bagi memberi kemudahan kepada rakyat memerlukan dengan tempoh sewa dua tahun atau ditetapkan.

Selepas tempoh itu, Kerajaan Negeri memulangkan kembali 30 peratus daripada jumlah sewa dibayar bertujuan membantu mereka membayar wang pendahtuan bagi membeli rumah.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia
2. Berusia 18 tahun ke atas & berkeluarga atau mempunyai tanggungan.
3. Pendapatan sesi keluarga kurang daripada RM5,000.00.
4. Pernohon atau suami / isteri tinggal atau bekerja di negeri Selangor.
5. Pernohon tidak mempunyai atau memiliki kediaman di Selangor.
6. Pernohon merupakan pengundi di negeri Selangor.

TEMPOH PENYEWAAN

- Maksimum 5 tahun
- Minimum 2 tahun
- Sebarang pertanyaan hubungi 016-3617544 atau 019-322 6140
- Muat turun borang permohonan di <http://phsb.com/borang/>

Atau boleh diambil di pejabat kami di

Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.
Tingkat 5 Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.